**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

**13 OGOS 2021**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,654 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **101,685 kes**. Sebanyak 15 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Kota Kinabalu, masing-masing tiga (3) kes di Tawau dan Sandakan, manakala Beaufort, Papar dan Keningau masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 792 menjadikan jumlah kumulatif 86,129 orang. Seramai 5,124 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,141 orang di hospital, 3,914 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 63 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala enam (6) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 157 orang dan 60 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| KOTA KINABALU | 351 | 6 |
| TAWAU | 210 | 3 |
| PENAMPANG | 204 | 0 |
| SANDAKAN | 116 | 3 |
| KOTA BELUD | 107 | 0 |
| PAPAR | 101 | 1 |
| TUARAN | 101 | 0 |
| KENINGAU | 100 | 1 |
| LAHAD DATU | 36 | 0 |
| SIPITANG | 33 | 0 |
| KUDAT | 30 | 0 |
| BEAUFORT | 29 | 1 |
| BELURAN | 28 | 0 |
| RANAU | 27 | 0 |
| TONGOD | 26 | 0 |
| PUTATAN | 25 | 0 |
| KALABAKAN | 24 | 0 |
| PITAS | 15 | 0 |
| KUALA PENYU | 13 | 0 |
| KUNAK | 13 | 0 |
| KOTA MARUDU | 12 | 0 |
| TENOM | 12 | 0 |
| TELUPID | 11 | 0 |
| KINABATANGAN | 10 | 0 |
| SEMPORNA | 10 | 0 |
| NABAWAN | 8 | 0 |
| TAMBUNAN | 2 | 0 |
| JUMLAH | 1654 KES | 15 KES |



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 **Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah**

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (1,654) kes iaitu penurunan sebanyak (398) kes berbanding (2,052) kes yang dicatatkan semalam (12 Ogos 2021).

b. Jumlah kes harian bagi Sabah hari ini kekal tinggi, iaitu (1,654) kes. Walaupun kes hari ini menurun sebanyak (-398) kes, tetapi lapan (8) daerah mencatatkan kes baharu pada julat 3 digit, dengan Kota Kinabalu 351 kes (-284), Tawau 210 kes (+32), Penampang 204 kes (-17), Sandakan 116 kes (+23), Kota Belud 107 kes (+23), Papar 101 kes (+56), Tuaran 101 kes (-25) dan Keningau 100 kes (-3).

c. Daerah-daerah lain yang memperlihatkan perubahan ketara dalam jumlah kes harian ialah Telupid 11 kes (-66), Lahad Datu 36 kes (-14), Beluran 26 kes (-21), Kalabakan 24 kes (-21), Beaufort 29 kes (-57), Kudat 30 kes (+27), Tambunan dua (2) kes (-15), Kota Marudu 12 kes (-12), Kinabatangan 10 kes (+10), Ranau 27 kes (-17), Sipitang 33 kes (-13) dan Putatan 25 kes (-12).

d. Daripada (1,654) kes hari ini, (956) kes atau 57.8% adalah daripada Saringan Kontak Rapat dan (528) kes atau 31.9% melalui Saringan Bergejala. Trend semasa memperlihatkan kenaikan ketara Kategori Bergejala dibeberapa daerah, satu isyarat bahawa penularan virus COVID-19 semakin meluas di kalangan komuniti. Di daerah Kota Kinabalu, hampir 37% kes baharu hari ini adalah daripada Kategori Bergejala, Tawau 43%, Tuaran 41.6%, Penampang 29% dan Sandakan 41%. Kategori Bergejala adalah kes-kes yang menular dalam komuniti secara sporadik, yakni punca penularan sebenar tidak diketahui.

e. Jumlah pesakit dalam Kategori 2 juga semakin meningkat berbanding jumlah mereka dalam Kategori 1. Hari ini seramai (995) kes atau 60.2% orang di kategorikan dalam Kategori 2 dan (306) kes atau 18.5% dalam Kategori 1, lapan (8) orang dalam Kategori 3, empat (4) orang dalam Kategori 4 dan tiga (3) dalam kategori 5.

f. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, JKNS sentiasa berusaha mempertingkatkan keupayaan memberi suntikan setiap hari. Semalam (12 Ogos 2021), JKNS berjaya memberi suntikan 54,091 dos kepada penduduk Negeri Sabah, menghampiri sasaran keupayaan maksimum JKNS sebanyak 59,000 dos sehari. Sehingga semalam, 43.9% penduduk dewasa Sabah telah pun memperolehi satu dos vaksin dan 19.6% sudah melengkapkan kedua-dua dos.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (956) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah**:**

| **Bil.** | **Kategori Saringan** | **Bilangan Kes** | **Peratusan** |
|---|---|---|---|
| 1 | Kluster | 31 | 1.9% |
| 2 | Bergejala | 528 | 31.9% |
| 3 | Kontak | 956 | 57.8% |
| 4 | Bersasar | 43 | 2.6% |
| 5 | Lain-lain | 96 | 5.8% |
| **JUMLAH** | | **1,654** | **100%** |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 12/08/2021 | Catatan Kes 13/08/2021 | Perbandingan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Papar | 45 | 101 | +56 |
| 2 | Tawau | 178 | 210 | +32 |
| 3 | Kudat | 3 | 30 | +27 |
| 4 | Kota Belud | 84 | 107 | +23 |
| 5 | Sandakan | 93 | 116 | +23 |
| 6 | Kinabatangan | 0 | 10 | +10 |
| 7 | Tongod | 21 | 26 | +5 |
| 8 | Nabawan | 5 | 8 | +3 |
| 9 | Kunak | 10 | 13 | +3 |
| 10 | Semporna | 10 | 10 | Kekal |
| 11 | Pitas | 15 | 15 | Kekal |
| 12 | Kota Kinabalu | 635 | 351 | -284 |
| 13 | Telupid | 77 | 11 | -66 |
| 14 | Beaufort | 86 | 29 | -57 |
| 15 | Tuaran | 126 | 101 | -25 |
| 16 | Kalabakan | 45 | 24 | -21 |
| 17 | Beluran | 47 | 28 | -19 |
| 18 | Ranau | 44 | 27 | -17 |
| 19 | Penampang | 221 | 204 | -17 |
| 20 | Tambunan | 17 | 2 | -15 |
| 21 | Lahad Datu | 50 | 36 | -14 |
| 22 | Sipitang | 46 | 33 | -13 |
| 23 | Putatan | 37 | 25 | -12 |
| 24 | Kota Marudu | 24 | 12 | -12 |
| 25 | Keningau | 103 | 100 | -3 |
| 26 | Tenom | 15 | 12 | -3 |
| 27 | Kuala Penyu | 15 | 13 | -2 |
| **JUMLAH** | | **2,052** | **1,654** | **-398** |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| **Daerah** | **Kategori Kes** | | | | | **Bilangan Kes Baharu** | **Kes Terkumpul 14 Hari (30 Julai – 12 Ogos)** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Saringan Kluster** | **Saringan Kontak** | **Saringan Bergejala** | **Saringan Bersasar** | **Lain-lain Saringan** | | |
| Kota Kinabalu | 1 | 173 | 129 | 32 | 16 | 351 | 4017 |
| Tawau | 0 | 103 | 91 | 0 | 16 | 210 | 1961 |
| Penampang | 7 | 126 | 59 | 0 | 12 | 204 | 1708 |
| Sandakan | 2 | 58 | 48 | 2 | 6 | 116 | 1104 |
| Kota Belud | 2 | 79 | 19 | 0 | 7 | 107 | 562 |
| Papar | 0 | 78 | 20 | 0 | 3 | 101 | 796 |
| Tuaran | 0 | 52 | 42 | 2 | 5 | 101 | 1403 |
| Keningau | 2 | 72 | 25 | 0 | 1 | 100 | 883 |
| Lahad Datu | 0 | 30 | 3 | 0 | 3 | 36 | 254 |
| Sipitang | 0 | 30 | 3 | 0 | 0 | 33 | 496 |
| Kudat | 0 | 26 | 3 | 0 | 1 | 30 | 166 |
| Beaufort | 0 | 16 | 12 | 0 | 1 | 29 | 645 |
| Beluran | 1 | 20 | 6 | 0 | 1 | 28 | 410 |
| Ranau | 10 | 8 | 7 | 0 | 2 | 27 | 272 |
| Tongod | 1 | 14 | 9 | 0 | 2 | 26 | 203 |
| Putatan | 0 | 13 | 10 | 0 | 2 | 25 | 423 |
| Kalabakan | 0 | 10 | 12 | 0 | 2 | 24 | 206 |
| Pitas | 0 | 10 | 4 | 0 | 1 | 15 | 111 |
| Kuala Penyu | 4 | 7 | 2 | 0 | 0 | 13 | 122 |
| Kunak | 0 | 2 | 4 | 7 | 0 | 13 | 252 |
| Kota Marudu | 0 | 11 | 0 | 0 | 1 | 12 | 292 |
| Tenom | 0 | 9 | 2 | 0 | 1 | 12 | 264 |
| Telupid | 0 | 2 | 9 | 0 | 0 | 11 | 449 |
| Kinabatangan | 0 | 1 | 4 | 0 | 5 | 10 | 394 |
| Semporna | 0 | 1 | 1 | 0 | 8 | 10 | 78 |
| Nabawan | 1 | 4 | 3 | 0 | 0 | 8 | 58 |
| Tambunan | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 | 83 |
| **JUMLAH** | **31** | **956** | **528** | **43** | **96** | **1,654** | **17,612** |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---|---|---|
| Kota Kinabalu | Kluster Donggongon | 1 |
| Keningau | Kluster Batu 27 Sook | 2 |
| Penampang | Kluster Donggongon | 7 |
| Nabawan | Kluster Sarikan | 1 |
| Kuala Penyu | Kluster Kebun Lama | 4 |
| Kota Belud | Kluster Tempasuk Kota Belud | 2 |
| Ranau | Kluster Gunsapau | 2 |
| | Kluster Timbua | 8 |
| Sandakan | Kluster Jalan Utara Dua | 2 |
| Tongod | Kluster Jalan Corak | 1 |
| Beluran | Kluster Lung Sawit | 1 |
| **JUMLAH** | | **31** |

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Donggongon - Penampang, Kota Kinabalu** dikategorikan sebagai kluster tempat kerja menerusi kes positif yang berlaku di sebuah premis badan berkanun di Daerah Penampang. Kes indeks merupakan pembersih pejabat, wanita, 46, yang disahkan hasil saringan bergejala dengan keputusan positif (RTK-Ag) di sebuah klinik swasta pada 04 Ogos 2021. Selain satu (1) lagi kes dikesan pada tarikh sama, pertambahan kes dalam kalangan kontak rakan sekerja direkodkan pada 11 Ogos dengan 12 kes, 12 Ogos pula satu (1) kes diikuti tujuh (7) kes pada 13 Ogos 2021 melibatkan rakan sekerja dari daerah Putatan dan Kota Kinabalu. Secara kumulatif, kluster ini mencatat 22 kes termasuk lapan (8) kes baharu pada hari ini hasil saringan terhadap 40 kontak.

7 Jumlah kapasiti katil 7,274 unit

- Hospital 1,162 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,940 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 1,172 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 70.36%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|---|---|
| Tempatan | 1,633 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 13 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 8 |
| **Jumlah** | **1,654** |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|---|---|
| Selangor | 7 |
| WP Kuala Lumpur | 1 |
| Kuala Lumpur | 1 |
| Melaka | 2 |
| Pulau Pinang | 2 |
| **Jumlah** | **13** |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|---|---|
| Malaysia | 1,474 |
| Bukan Malaysia | 180 |
| **Jumlah** | **1,654** |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|---|---|
| Belum Layak Vaksin | 384 |
| Belum Menerima Vaksin | 658 |
| Menerima 1 Dos | 394 |
| Lengkap 2 Dos | 218 |
| **Jumlah** | **1,654** |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---|---|
| <1 | 20 |
| 1 to 5 | 102 |
| 6 to 17 | 262 |
| 18 to 59 | 1,154 |
| >60 | 116 |
| **Jumlah** | **1,654** |

## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

| BIL | DAERAH | BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 13 Ogos 2021) |
|---|---|---|
| 1 | Kota Kinabalu | 24 |
| 2 | Tawau | 23 |
| 3 | Tuaran | 12 |
| 4 | Penampang | 7 |
| 5 | Keningau | 6 |
| 6 | Beaufort | 5 |
| 7 | Sandakan | 4 |
| 8 | Kudat | 4 |
| 9 | Sipitang | 3 |
| 10 | Papar | 3 |
| 11 | Tenom | 3 |
| 12 | Kota Belud | 3 |
| 13 | Ranau | 2 |
| 14 | Kinabatangan | 2 |
| 15 | Kunak | 2 |
| 16 | Putatan | 2 |
| 17 | Nabawan | 1 |
| 18 | Tambunan | 1 |
| 19 | Telupid | 1 |
| 20 | Kota Marudu | 1 |
| 21 | Beluran | 1 |
| **JUMLAH** | | **110** |

## D KEPENTINGAN MELENGKAPKAN 2 DOS VAKSINASI

1 Seperti yang dimaklumkan Kerajaan telah pun menyediakan SOP bagi pelbagai aktiviti yang dibenarkan dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Nasional. Ini termasuk pengoperasian restoran dan pasaraya. SOP menetapkan bahawa operator, pekerja dan pelanggan mestilah mereka yang sudah melengkapkan dua dos vaksin.

2 Kita juga sedia maklum bahawa ada di antara mereka dalam sektor ini belum divaksin atau belum lengkap divaksin. Adalah dinasihatkan agar mereka yg belum divaksin segera mendapatkan vaksin dimana-mana PPV yang terdekat . Bagi pekerja-pekerja pasaraya, restoran dan hotel disekitar Kota Kinabalu, mereka boleh datang ke PPV SICC untuk tujuan vaksinasi.

3 Penguatkuasaan SOP bagi restoran (*dine-in*) dan pasaraya pada peringkat awal adalah lebih berbentuk pendidikan dan peringatan, bukan untuk mengenakan penalti. Kita berharap semua yang terlibat dalam sektor ini akan memperolehi vaksin lengkap dalam masa satu bulan. Penguatkuasaan kepada pematuhan SOP akan dilaksanakan sepenuhnya selepas itu.

4 Dengan mengambilkira kedudukan pandemik COVID-19 semasa di Negeri Sabah yang mencatatkan kes yg tinggi setiap hari, adalah perlu bagi kita untuk mengambil apa jua tindakan untuk mengurangkan penularan. Langkah untuk menguatkuasakan SOP baharu di restoran dan pasaraya adalah bertujuan mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat dalam ruang niaga. Ini akan memberi manfaat dan jagaan kesihatan kepada pekerja dan juga pelanggan. Langkah ini akan mengurangkan risiko penularan virus COVID-19 semasa berada di restoran dan pasaraya.

## E SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PPN) FASA 2

SOP rumah ibadat bukan Islam (Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2) dan kemudahan penerima vaksin lengkap (2 dos) bermula 13/08/2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

## F PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Tarikh TamatPKPD |
|---|---|---|---|
| **1.** | Tiga (3) lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah<br>• Kampung Pulutan, Manggatal,<br>• Kg Mansiang, Menggatal<br>• Tapak Bina Hyatt Centric | 15 Ogos 2021 | 28 Ogos 2021 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **2.** | Dua (2) lokaliti di Beaufort, Sabah -<br>• Kg Brunei, Membakut<br>• Rumah Kongsi Tapak Bina Prima,Lumat | 15 Ogos 2021 | 28 Ogos 2021 |
| **3.** | Kg Rancangan Kalabakan, Kalabakan, Sabah | 15 Ogos 2021 | 28 Ogos 2021 |
| **4.** | Kampung Mangaris 2, Kota Marudu, Sabah | 15 Ogos 2021 | 28 Ogos 2021 |
| **5.** | Kampung Contoh, Putatan, Sabah | 15 Ogos 2021 | 28 Ogos 2021 |
| **6.** | Lorong Mat Salleh Bt.2, Jalan Apas, Tawau,Sabah | 15 Ogos 2021 | 28 Ogos 2021 |

## G PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, PKPD akan **DILANJUTKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Tamat PKPD | Cadangan |
|---|---|---|---|
| **1.** | Kampung Siansai Dundau, Kota Belud, Sabah | 14 Ogos 2021 | Dilanjutkan dari 15 Ogos sehingga 28 Ogos 2021 |
| **2.** | Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Semarak, Tawau, Sabah | 14 Ogos 2021 | Dilanjutkan dari 15 Ogos sehingga 28 Ogos 2021 |
| **3.** | Kampung Sembulan Tengah & Lama, Kota Kinabalu, Sabah | 14 Ogos 2021 | Dilanjutkan dari 15 Ogos sehingga 28 Ogos 2021 |
| **4.** | Kampung Tempasuk 1, Kota Belud, Sabah | 14 Ogos 2021 | Dilanjutkan dari 15 Ogos sehingga 28 Ogos 2021 |

## H PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Cadangan |
|---|---|---|---|
| **1.** | Lima (5) Lokaliti di Tawau, Sabah<br>• Bandar Sabindo<br>• Kampung Rancangan Sungai Tongkang<br>• Taman Kukusan<br>• Batu 2 Lorong Habib Abdul Rahman, Jalan Apas<br>• Taman Berjaya | 1 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 14 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan |
| **2.** | Lima (5) Lokaliti di Keningau, Sabah<br>• Kampung Bariawa Laut<br>• Kampung Baitah<br>• Kampung Panagatan Ulu<br>• Kampung Kota Ayangan<br>• Rumah Kongsi Jutaya Lingkudau | 1 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 14 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan |
| **3.** | Tiga (3) Lokaliti di Kudat, Sabah<br>• Kampung Seri Aman<br>• Taman Orkid<br>• Kampung Damaran Banggi | 1 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 14 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.** | Tiga (3) Lokaliti di Sandakan, Sabah<br>• Kampung Lupak Meluas Darat<br>• Kampung Sundang Laut<br>• Flat Taman Sejati | 1 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 14 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan |
| **5.** | Taman Sempelang, Kota Kinabalu, Sabah | 1 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 14 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan |
| **6.** | Kampung Tengah Padang, Putatan, Sabah | 1 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 14 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan |
| **7.** | Kampung Babagon, Penampang, Sabah | 1 Ogos 2021 | Ditamatkan pada 14 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan |

## I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **25,245** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,173,927 orang.

4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **28,846** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 489,081 orang.

5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 20,975 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,355,837 (Mysejahtera 1,273,201: Laman Web 82,344: Talian Vaksinasi 292) bersamaan 49.2%.

## J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **405,951** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 171 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 41,370 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 301 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 19 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Tujuh (7) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
- Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- Empat (4) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Mpatuhi Waktu Operasi
- Empat (4) Orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 90 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

i Sebanyak 916 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

ii Sebanyak tiga (3) notis/amaran telah dikeluarkan di Penampang.

iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 189 premis perniagaan dan 550 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 378 Premis Perniagaan melibatkan 161 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 176 anggota di 208 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 29 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 229 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 170 hebahan di seluruh Sabah.

## L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.2%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Tenom | 96% |
| 2 | Semporna | 96% |
| 3 | Beaufort | 96% |
| 4 | Kinabatangan | 96% |
| 5 | Kota Belud | 96% |
| 6 | Tuaran | 95.5% |
| 7 | Kudat | 95.5% |
| 8 | Ranau | 95% |
| 9 | Kota Kinabalu | 95% |
| 10 | Kunak | 95% |
| 11 | Sandakan | 95% |
| 12 | Kota Marudu | 95% |
| 13 | Papar | 95% |
| 14 | Tawau | 94.5% |
| 15 | Penampang | 94.5% |
| 16 | Lahad Datu | 94% |
| 17 | Sipitang | 94% |
| 18 | Beluran | 94% |
| 19 | Keningau | 94% |

2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**LAMPIRAN A**

# KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

## SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2)
## KEMUDAHAN PENERIMA VAKSIN LENGKAP (2 DOS) BERMULA 13/08/2021

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| **PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**<br><br>Semasa **ketibaan** di rumah ibadat bukan Islam sebelum upacara sembahyang. | **6 pagi - 2 petang**<br>**4 petang - 10 malam**<br><br>**1/3 kapasiti rumah ibadat atau 50 orang yang mana lebih rendah** dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter | Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran<br><br>Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran untuk penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan<br><br>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air<br><br>Penganut wajib lengkap 2 dos vaksin dan mesti menunjukkan sijil digital vaksinasi kepada petugas sebelum masuk ke rumah ibadat<br><br>Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan peralatan sembahyang<br><br>Ahli Jawatankuasa Pengurusan memastikan jarak dalam dewan dan ruang ibadat sekurang-kurangnya 1 meter<br><br>Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan penganut **DIWAJIBKAN** membawa peralatan sembahyang sendiri<br><br>Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi<br><br>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **tidak digalakkan** hadir. | Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat bukan Islam<br><br>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir<br><br>Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri<br><br>Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan dan sanitasi rumah ibadat. | Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul atau berhimpun di luar Rumah Ibadat bukan Islam<br><br>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas<br><br>Upacara atau aktiviti yang melibatkan sentuhan<br><br>Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan<br><br>Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan. |

Tarikh dikemaskini: 12 Ogos 2021

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

**SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2)**
**KEMUDAHAN PENERIMA VAKSIN LENGKAP (2 DOS) BERMULA 13/08/2021**

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| **PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**<br><br>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan semasa **berada** di dalam rumah ibadat bukan Islam. | **6 pagi - 2 petang**<br>**4 petang - 10 malam**<br><br>**1/3 kapasiti rumah ibadat atau 50 orang yang mana lebih rendah** dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter | Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa<br><br>Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter<br><br>Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer<br><br>Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang. | Pematuhan SOP diwajibkan<br><br>Penganut diwajibkan mengikut ketetapan tempat sembahyang yang disediakan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan | Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat bukan Islam<br><br>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas<br><br>Upacara atau aktiviti yang melibatkan sentuhan<br><br>Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan. |

Tarikh dikemaskini: 12 Ogos 2021

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

**SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2)**
**KEMUDAHAN PENERIMA VAKSIN LENGKAP (2 DOS) BERMULA 13/08/2021**

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| **PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**<br><br>Semasa **keluar** bangunan Rumah Ibadat bukan Islam | **6 pagi - 2 petang**<br>**4 petang - 10 malam**<br><br>**1/3 kapasiti rumah ibadat atau 50 orang yang mana lebih rendah** dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter | Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa<br><br>Mewajibkan penjarakan fizikal<br><br>Cara keluar rumah ibadat mesti mengikut penjarakan fizikal<br><br>Petugas rumah ibadat perlu memastikan penganut telah beredar selepas sembahyang<br><br>Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi<br><br>Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (*packed food*) | Pematuhan SOP diwajibkan.<br><br>Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai dalam keadaan tertib. | Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul, berhimpun, bersalaman, berpelukan dan bersembang di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam<br><br>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas<br><br>Petugas memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam. |

Tarikh dikemaskini: 12 Ogos 2021

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2)
### KEMUDAHAN PENERIMA VAKSIN LENGKAP (2 DOS) BERMULA 13/08/2021
### (UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN)

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| **PERATURAN UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN**<br><br>Upacara **semasa** pemberkatan perkahwinan | **6 pagi - 2 petang**<br>**4 petang - 10 malam**<br><br>Tempoh upacara pemberkatan perkahwinan tidak melebihi **2 jam**<br><br>**1/3 kapasiti rumah ibadat atau 50 orang yang mana lebih rendah** dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter | Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib memastikan pengamalan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter<br><br>Petugas memastikan Ahli keluarga dan penganut untuk membawa peralatan sembahyang masing-masing<br><br>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **tidak digalakkan** hadir. | SOP Rumah Ibadat Bukan Islam wajib dipatuhi. | Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat bukan Islam<br><br>Perkongsian peralatan sembahyang<br><br>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas |

Tarikh dikemaskini: 12 Ogos 2021

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

## SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA VAKSIN LENGKAP (2 DOS) BERMULA 13/08/2021 (UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN)

| AKTIVITI | TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI | PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| **PERATURAN UPACARA PEMBERKATAN PERKAHWINAN**<br><br>Upacara **selepas** pemberkatan perkahwinan | **6 pagi - 2 petang**<br>**4 petang - 10 malam**<br><br>Tempoh upacara pemberkatan perkahwinan tidak melebihi **2 jam**<br><br>**1/3 kapasiti rumah ibadat atau 50 orang yang mana lebih rendah** dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter | Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib memastikan pengamalan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter<br><br>Petugas memastikan Ahli keluarga dan penganut untuk membawa peralatan sembahyang masing-masing<br><br>Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (*packed food*)<br><br>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **tidak digalakkan** hadir. | SOP Rumah Ibadat Bukan Islam wajib dipatuhi. | Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul, berhimpun, bersalaman, berpelukan dan bersembang di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam<br><br>Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan<br><br>Petugas memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam. |